



ADLI (depan) mengetuai barisan MPP UPM sesi 2004/2005 membaca ikrar pada majlis mengangkat sumpah baru-baru ini. - Gambar oleh Afendi Mohamed

# MPP ikrar bantu UPM capai taraf dunia

Oleh Syuhada Choo Abdullah

MAJLIS Perwakilan Pelajar Universiti Putra Malaysia (MPP UPM) sesi 2004/2005 memberi jaminan setiap aktiviti serta agenda perjuangannya akan berpandukan kepada moto 'menjulung ilmu, menabur bakti'.

Presidennya, Adli Mohd Shariff, berkata seiring dengan hasrat UPM untuk menjadi universiti bertaraf dunia menjelang 2010, MPP akan menjadi pemangkin dengan membantu mahasiswa menyediakan diri menghadapi cabaran berkeanaan.

Sehubungan itu, beliau berkata, MPP UPM membahagikan agenda perjuangan kepada dua perkara utama, iaitu peringkat dalaman kampus dan kegiatan membabitkan ma-

syarakat luar tempatan serta antarabangsa.

Bagi merealisasikan matlamat berkeanaan, katanya, lapan sekretariat khusus sudah pun dibentuk bagi menangani isu dalam bidang berkaitan, termasuk Hubungan Awam dan Publisiti yang baru diperkenalkan.

"Sekretariat lain ialah Hal-Ehwal Kebajikan, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dan Dokumentasi, Mahasiswa Luar Kampus, Akademik dan Sahsiah, Kerohanian dan Perpaduan, Kerjaya dan Keusahawanan, serta Sukan, Rekreasi dan Kebudayaan.

"Bagi perjuangan pada peringkat dalaman kampus, sudah pasti isu kebajikan pelajar diberi tumpuan utama. Antaranya yang bakal ditangani ialah masalah harga makanan yang masih dianggap mahal di

dalam kampus.

"Justeru, MPP UPM akan menjalankan kajian untuk mengetahui kadar harga makanan di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) lain di sekitar Lembah Klang, sebelum mengemukakan cadangan bersesuaian kepada pihak pengurusan universiti," katanya.

Selain itu, Adli berkata, MPP juga akan membantu mempertingkatkan daya saing mahasiswa UPM.

Beliau berkata, antara langkah akan diambil ialah mengumpulkan pelajar tahun akhir, terutama mereka yang memiliki pencapaian memberangsangkan untuk diberi kemahiran komunikasi sebagai persediaan menghadapi cabaran kerjaya apabila tamat pengajian kelak, sekali gus mengelakkan masalah pengangguran di kalangan graduan.